

Tahap Kemahiran dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Murid Autisme (Teacher Skill Level and Attitude Towards the Use of Multimedia in the Teaching and Learning of the Holy Koran for Autism Student)

Norhisham bin Muhamad

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

School of Hospitality, Education and Business Studies (SHB), Management and Science University

Norhasniza binti Daud

Sek Keb. Aminuddin Baki, Slim River

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran untuk murid Autisme. Kajian ini dilakukan menggunakan set soal selidik yang telah dilengkapkan oleh 40 orang guru yang mengajar di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dipilih secara rawak. Data kuantitatif daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 22 bagi mendapatkan kekerapan (frekuensi), peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara tahap kemahiran dengan sikap guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran murid Autisme. Hasil analisis kajian mendapati, tahap kemahiran guru ($M=3.63$, $SP.=0.82$) dan sikap guru ($M=3.80$, $SP.=0.71$) berada pada aras sederhana tinggi. Sementara itu, kajian ini juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran dengan sikap guru. Sememangnya tahap kemahiran dan sikap guru ke arah menggunakan multimedia dalam pengajaran adalah positif tetapi mempunyai kelemahan dari aspek pengaplikasian item-item multimedia. Justeru, semasa menjalankan proses pengajaran, seseorang guru mesti mengambil kira mengenai tahap kemahiran untuk diaplikasikan dan kebersediaan sikap guru untuk membina proses pengajaran berasaskan multimedia agar menjadi lebih efektif.

Kata kunci: Tahap kemahiran, Sikap, Penggunaan Multimedia, al-Quran, Murid Autisme

Abstract

This study was conducted to identify the teacher skill level and attitude towards the use of multimedia in the teaching and learning of the Holy Koran for Autism students. This study was conducted using a set of questionnaires that were completed by 40 teachers who teach in the Integrated Special Education Program (PPKI) class selected by random. These quantitative data from the questionnaire were analyzed descriptively through SPSS software, version 22 to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation. Pearson correlation analysis was used to determine the relationship between skill level and teacher attitude towards using multimedia in the teaching and learning of the Holy Koran for Autism students. The results of the analysis of the study found that the teacher skill level ($M=3.63$, $SD.=0.82$) and teacher attitude ($M=3.80$, $SD.=0.71$) were at a moderate and high level. Meanwhile, this study also shows that there is a significant relationship between skill level and teacher attitude. Indeed, the teacher skill level and attitude towards using multimedia in teaching is positive but has weaknesses in terms of the application of multimedia items. Thus, while conducting the teaching process, a teacher must take into account the skill level to be applied and the readiness of the teacher attitude to build a multimedia-based teaching process to be more effective.

Keywords: Skill level, Attitude, Use of Multimedia, Holy Koran, Autism Student

Article Progress

Received: 21 July 2021

Revised: 4 August 2021

Accepted: 18 August 2021

1. PENGENALAN

Setiap individu berhak mendapat pendidikan sewajarnya, dari peringkat rendah sehingga dewasa. Malahan, seseorang itu ditempatkan di dalam pendidikan mengikut tahap kemampuan dari pelbagai aspek kognitif dan psikomotor. Berdasarkan pernyataan daripada Unit Pendidikan Khas (UPK), pelbagai aspek ditekankan iaitu aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, sosial, bakat dan nilai-nilai estetika (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Aspek-aspek ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas (FPK) sebagaimana yang dinyatakan oleh Jabatan Pendidikan Khas (2005) iaitu satu usaha berterusan untuk melahirkan insan berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan mengurus kehidupan serta menyedari potensi diri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif (Nasri et al., 2010).

Tambahan pula, perkembangan potensi individu secara berterusan dan menyeluruh dari pelbagai aspek termasuk kemahiran turut dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hal ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berkemahiran dan berkeyakinan diri serta berupaya untuk menguruskan kehidupan sendiri pada masa hadapan. Selain itu, dalam FPK juga turut ditegaskan bahawa, tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang berkualiti berteraskan kepercayaan dan ketaatan kepada tuhan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sangat menitikberatkan tentang keseimbangan berkaitan hal agama dan kehidupan bagi setiap individu tanpa mengira individu berkeperluan khas atau normal.

Setiap individu hendaklah diberikan peluang dalam pendidikan. Individu yang mempunyai masalah pembelajaran termasuklah kategori Autisme memerlukan pendekatan pengajaran yang khusus berbeza dengan murid normal dan pelbagai kaedah mengikut penerimaan keupayaan kognitif murid. Murid Autisme adalah kategori yang menggunakan kurikulum di kelas masalah pembelajaran (*Autisme, Sindrom Down, Dyslexia dan Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) (Bahagian Pendidikan Khas, 2015; Samian et al., 2013). Reka bentuk kurikulum pendidikan Islam bagi subjek al-Quran terhadap murid Autisme adalah fleksibel untuk membantu murid mengembangkan bakat dan potensi sedia ada. Selain itu, antara isi kandungan reka bentuk kurikulum untuk subjek al-Quran sekolah rendah di PPKI (KSSRPK Masalah Pembelajaran, 2017);

- i. Tahun satu ialah tilawah al-Quran yang memberikan penumpuan kepada pengenalan asas huruf-huruf hijaiyyah secara tunggal yang berbaris satu berserta dengan bunyi setiap huruf tersebut. Bagi bacaan dan hafazan terdiri daripada surah al-Fatihah dan al-Ikhlas.
- ii. Tahun dua ialah tilawah al-Quran yang melibatkan bacaan huruf hijaiyyah tunggal dan huruf berbaris satu di atas. Untuk bacaan dan hafazan terdiri daripada surah al-Nas dan al-Falaq.
- iii. Tahun tiga ialah tilawah al-Quran yang meliputi penumpuan huruf hijaiyyah dan bacaan kalimah berbaris atas, bawah dan hadapan. Bagi bacaan dan hafazan terdiri daripada surah al-Masad dan al-Nasr.
- iv. Tahun empat ialah tilawah al-Quran yang meliputi bacaan kalimah berbaris atas, bawah, hadapan berserta dengan bacaan panjang dan pendek. Manakala bagi hafazan dan bacaan al-Quran pula terdiri daripada surah al-Kafirun dan al-Kawthar.
- v. Tahun lima ialah tilawah al-Quran yang merangkumi bacaan sukun dan bacaan serta hafazan surah-surah lazim seperti surah al-Ma'un dan al-Quraisy
- vi. Tahun enam ialah tilawah al-Quran yang merangkumi bacaan syaddah dan bacaan serta hafazan surah-surah lazim seperti surah al-Asr, al-Humazah dan al-Takathur.

Seterusnya, Bahagian Pendidikan Khas (2015) juga turut menyediakan satu pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan murid Autisme agar lebih menarik, berfokus, holistic dan tidak membebankan murid. Hal ini bertujuan untuk mencapai

matlamat kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKPB) seperti dinyatakan oleh Jabatan Pendidikan Khas (2004) di mana tujuannya untuk menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengikut tahap keupayaan dalam kehidupan dengan lebih bermakna.

Oleh itu, pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai amat penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kepada murid Autisme. Penggunaan multimedia sebagai BBM kepada murid Autisme amat sesuai kerana multimedia mempunyai adunan atau elemen seperti grafik dan warna yang bukan sahaja dapat menarik perhatian murid Autisme bahkan dapat mempertingkatkan kefahaman, menghindari salah anggap serta tafsiran mereka. Penggunaan multimedia mempunyai unsur animasi, visual, audio, grafik dan warna yang boleh menggambarkan sesuatu objek dan bunyi yang jelas selain dapat membantu dalam memberi rangsangan kepada murid Autisme.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat relevan dengan perkembangan teknologi dan saranan KPM dalam mengikuti arus perkembangan Industri 4.0. Dalam pengajaran dan pembelajaran murid Autisme, multimedia turut digunakan kerana proses pengajaran dan pembelajaran murid Autisme berbeza dari segi pelaksanaannya, tidak seperti kelas murid normal yang lain. Sudah semestinya, pelbagai alternatif dan bahan pengajaran diperlukan untuk membantu murid Autisme lebih berfokus dan berminat untuk belajar dalam jangka masa yang lama. Situasi ini juga memerlukan guru-guru menguasai kemahiran dan kesediaan dalam menvariasikan cara, pedagogi, penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai objektif pengajaran.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang pendidikan mendapati, guru-guru masih mempunyai masalah dalam penggunaan multimedia. Hal terbukti melalui kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman et al. (2018) terhadap guru Sekolah Rendah Agama (SRA) di Selangor tentang pengetahuan guru mengenai multimedia sebagai satu kaedah yang kreatif dan pengetahuan guru dalam menggunakan elemen-elemen audio, video dan animasi menunjukkan tahap sederhana tinggi. Di sini jelas menunjukkan pengetahuan guru berkaitan elemen-elemen multimedia masih terhad tidak meliputi keseluruhan elemen bagi menjadikan multimedia menarik dan pelbagai walaupun penggunaan multimedia pada zaman ini sudah digunakan secara meluas di semua institusi. Sementelahan itu, dalam dapatan kajian Lubis et al. (2017), GPI kurang menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi bidang al-Quran kerana kesesuaian bidang al-Quran ini diajar secara *talaqqi* dan *musyafahah*.

Begitu juga dapatan kajian Mohd Nawi et al. (2020) yang mendapati bahawa, penggunaan multimedia dalam subjek Pendidikan Islam, Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islamiah hanya melepasi paras minimum bagi tahap sederhana tinggi. Seterusnya, menurut Mohd Nawi & Hashim (2021), tahap pengetahuan mengenai penyelenggaraan komponen teknologi multimedia tidak dikuasai sepenuhnya iaitu 17.3% sahaja guru Pendidikan Islam yang mampu mengelola bahagian-bahagian teknologi multimedia. Bagi Saipullah & Hamzah (2020) pula, sememangnya masih terdapat GPI yang belum mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc mereka walaupun hasrat kerajaan tentang penggunaan ICT dalam pengajaran sudah lama disebarkan. Antara masalah yang sering menyebabkan GPI kurang bersedia untuk menggunakan multimedia ialah kekurangan Bahan Bantu Mengajar yang dijual di pasaran.

3. OBJEKTIF

- i. Mengenal pasti tahap kemahiran guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap murid Autisme.
- ii. Mengenal pasti sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid Autisme.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara tahap kemahiran guru dengan sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid Autisme.

4. HIPOTESIS KAJIAN

H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru dengan sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid Autisme.

5. TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Penggunaan multimedia telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan. Berdasarkan perkembangan multimedia berteknologi kontemporari, guru-guru boleh mempelajari sesuatu kaedah yang baharu. Guru-guru boleh memuat naik sumber bahan bermultimedia yang menyokong konsep perkembangan konstruktiviti serta membenarkan guru-guru lebih berfokus menjadi seorang fasilitator dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bersama dengan murid (Mukherjee, 2018)

Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu reka bentuk mesej atau komunikasi yang mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih (Mohd Nawawi, 2020). Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui media mempunyai elemen-elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, audio dan video (Putra, 2018).

Selain fasiliti multimedia, terdapat juga kemudahan lain yang telah disediakan oleh pihak berwajib bahagian pendidikan iaitu KPM untuk memudahkan proses PdP termasuk murid berkeperluan khas yang memerlukan peralatan dan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai untuk sesi PdP. Keperluan ini berbeza mengikut kategori program yang akan dibuka di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan sekolah-sekolah khas. Antara keperluan asas yang diperlukan ialah perabot dan peralatan wajib seperti kerusi, meja, rak, kabinet, alat media, peralatan multimedia, kelengkapan dapur, kelengkapan sukan, peralatan kebersihan dan peralatan pengurusan diri (Bahagian Pendidikan Khas, 2015).

Kemahiran guru-guru mengaplikasikan teknologi multimedia dalam menjalankan tugas harian dapat membantu guru menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan. Latihan dari segi Islam melibatkan tindakan bukan hanya bergantung kepada kebolehan kognitif, tetapi juga memerlukan praktikal bagi membangunkan keupayaan mereka (Hassi, 2012). Tan dan Abu (2013), turut mengakui bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasikan teknologi dengan gabungan item-item video, youtube sebagai alat bahan bantu mengajar dalam PdP sejarah berjaya menarik minat dan meningkatkan kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana isi pengajaran disampaikan secara telus dan boleh diulang secara kerap.

Menurut Abdul Aziz & Jaafar (2018), multimedia digunakan secara meluas dalam PdPc Pendidikan Islam untuk bidang al-Quran. Kajian yang mereka jalankan adalah mengenai penggunaan multimedia dalam bidang al-Quran melalui aplikasi multimedia Interaktif Smart Iqra dalam penguasaan pembelajaran al-Quran. Dapatan kajian tersebut telah membuktikan kejayaan murid dalam bacaan al-Quran dengan bantuan multimedia. Pelbagai bentuk alat bantu mengajar

serta pelbagai jenis permainan yang dibina berasaskan perisian multimedia tidak membosankan proses PdPc. Dapatan kajian Khairuddin & Mailok (2020) mendapati penggunaan multimedia digambarkan sebagai satu strategi pengajaran yang terbaik yang perlu diimplementasikan oleh guru Pendidikan Islam dalam PdPc bidang al-Quran bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran

6. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif secara tinjauan (deskriptif). Data kuantitatif diperoleh melalui kaedah tinjauan (deskriptif) dan analisis korelasi Pearson. Menurut Konting (2005), kajian tinjauan (deskriptif) bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat kajian bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian. Data kajian ini pula diperoleh melalui instrumen soal selidik kerana menurut Robson (1988), soal selidik sangat relevan digunakan dalam kaedah tinjauan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih teknik mengutip data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan sampel terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam soal selidik. Menurut McMillan & Schumacher (2006), pentaksiran, persepsi dan kepercayaan adalah agak tepat dengan menggunakan skala Likert Lima mata dalam soal selidik.

Instrumen soal selidik telah digunakan bagi mengukur Tahap Kemahiran dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Multimedia yang diadaptasi daripada kajian Mohd Nawawi & Hashim (2021) yang relevan dengan objektif kajian. Konstruk-konstruk soal selidik telah disemak dan dinilai oleh tiga orang panel rujukan dalam pendidikan Islam dan multimedia. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Bahagian pertama ialah bahagian yang mengandungi soalan-soalan tahap kemahiran. Manakala untuk bahagian yang kedua soal selidik merupakan bahagian yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan tahap sikap bagi guru-guru pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, sebanyak 22 item soalan telah diubahsuai berasaskan kepada kajian terdahulu.

Persampelan kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri 60 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah Murid Berkeperluan Khas (MBK) di 40 buah sekolah di sekitar daerah Kinta Utara dan daerah Batang Padang. Bagi tujuan kajian ini, pemilihan sampel kajian terdiri daripada semua guru pendidikan Islam di Pendidikan Khas berkenaan seramai 40 orang yang terlibat secara langsung dengan murid Autisme

7. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

7.1 Tahap kemahiran guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap murid Autisme

Berdasarkan jadual 1 di bawah, dapatan yang diperolehi menunjukkan tahap kemahiran guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap murid Autisme berada pada tahap sederhana tinggi ($M=3.63$, $SP.=0.82$). Secara keseluruhannya 11 item berada pada tahap sederhana tinggi dan hanya satu item berada pada tahap tertinggi iaitu B02 “Saya mahir menggunakan komputer atau laptop” di mana item ini seramai 23 orang responden setuju dengan peratusan seramai 57.5%, sangat setuju dan 10 orang responden iaitu 25%, 5 orang kurang setuju dengan peratusan 12.5% dan yang terendah tidak setuju hanya 2 orang dengan peratusan 5%.

Manakala 11 item yang berada tahap sederhana tinggi iaitu item B04 “Saya boleh mengendalikan PdP dengan menggunakan video” yang memperolehi min 3.90. Item ini menunjukkan kadar penerimaan mengendalikan PdP dengan menggunakan video 20 orang responden setuju mewakili seramai 50%, 10 orang responden mewakili dengan item sangat setuju 25%. Adapun kurang setuju enam orang responden dengan seramai 15% dan yang terendah tidak setuju empat orang responden mewakili 10%. Item yang paling rendah pencapaian min ialah item

B06 “Saya mahir mengaplikasi animasi dalam multimedia” dengan min 3.27. Item ini menunjukkan yang paling tinggi responden kurang setuju iaitu seramai 18 orang responden mewakili 45%. Manakala, setuju 10 orang responden mewakili 25%, dan sangat setuju serta tidak setuju menunjukkan jumlah sama iaitu lima orang responden yang mewakili 12.5% dan yang terendah dua orang responden mewakili 5%. Secara keseluruhannya, terdapat 11 item mempunyai min tahap sederhana tinggi, dan tidak ada item yang mempunyai min tahap rendah. Hasil dapatan menunjukkan tahap kemahiran guru menggunakan multimedia berpotensi untuk dipertingkatkan kemahiran sedia ada melalui pengetahuan dan pengalaman dan kursus-kursus.

Jadual 1: Tahap Kemahiran Guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap murid Autisme

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=40)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
B01	Aplikasi Multimedia Dalam P&P	0 (0.0)	4 (10.0)	16 (40.0)	14 (35.0)	6 (15.0)	3.55	0.87	Sederhana Tinggi
B02	Komputer atau laptop	0 (0.0)	2 (5.0)	5 (12.5)	23 (57.5)	10 (25.0)	4.02	0.76	Tinggi
B03	Menggunakan LCD	1 (2.5)	1 (2.5)	13 (32.5)	16 (40.0)	9 (22.5)	3.77	0.91	Sederhana Tinggi
B04	Mengendalikan P&P dengan menggunakan video	0 (0.0)	4 (10.0)	6 (15.0)	20 (50.0)	10 (25.0)	3.90	0.90	Sederhana Tinggi
B05	Memilih teks yang sesuai dalam multimedia	1 (2.5)	3 (7.5)	10 (25.0)	17 (42.5)	9 (22.5)	3.75	0.98	Sederhana Tinggi
B06	Animasi dalam multimedia	2 (5.0)	5 (12.5)	18 (45.0)	10 (25.0)	5 (12.5)	3.27	1.01	Sederhana Tinggi
B07	Pelbagai gambar	2 (5.0)	3 (7.5)	13 (32.5)	14 (35.0)	8 (20.0)	3.57	1.05	Sederhana Tinggi
B08	Media interaktif	1 (2.5)	3 (7.5)	15 (37.5)	17 (42.5)	4 (10.0)	3.50	0.87	Sederhana Tinggi
B09	Pelbagai elemen	1 (2.5)	6 (15.0)	16 (40.0)	13 (32.5)	4 (10.0)	3.32	0.94	Sederhana Tinggi
B10	Mencari maklumat multimedia	0 (0.0)	5 (12.5)	8 (20.0)	21 (52.5)	6 (15.0)	3.70	0.88	Sederhana Tinggi
B11	Power point	1 (2.5)	5 (12.5)	8 (20.0)	20 (50.0)	6 (15.0)	3.62	0.97	Sederhana Tinggi
B12	Perisian komputer	0 (0.0)	5 (12.5)	13 (32.5)	16 (40.0)	6 (15.0)	3.57	0.90	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.63	0.82	Sederhana Tinggi

Dapatan ini (Jadual 1) menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam di Pendidikan Khas mempunyai kemahiran dalam menggunakan multimedia sebagai kaedah pilihan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Hassan & Mohd (2006); Trivedi & Bhargava (2010) dan Ismail (2005) yang menyatakan guru memerlukan tahap kemahiran kreatif bagi memastikan proses pengajaran terhadap pelajar akan lebih berkesan dan berjaya. Kemahiran yang dimiliki seseorang guru menjadi salah satu aspek penting dalam membuat justifikasi terhadap keupayaan dan kemampuan pelaksanaan inovasi serta menangani cabaran tugas yang berkaitan dengannya. Hal ini demikian kerana, kejayaan sesuatu kurikulum baharu bukan sahaja berkait rapat dengan kesediaan guru bahkan gerakan dan tindakan guru turut diambil kira dengan kehendak kurikulum tersebut.

Seseorang guru yang mempunyai kemahiran sedia ada seperti mahir menggunakan komputer atau laptop harus mengaplikasikannya secara optimum untuk menambah lagi kemahiran

dan mencipta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat menyumbang ke arah kecemerlangan. Ini bertepatan dengan kajian Abdul Talib et al. (2019) yang mengkaji penggunaan digital dalam subjek sejarah membantu meningkatkan minat murid serta menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah lebih menarik. Agus & Salleh (2009) membincangkan tentang perisian kurikulum yang berunsur teknologi yang boleh dimiliki dan ulang siar untuk mengukuhkan kefahaman serta meningkatkan prestasi lebih tinggi manakala Tan dan Abu (2013) mengakui aplikasi teknologi pengajaran boleh dilaksanakan secara telus dan berjaya menarik minat, menguatkan kefahaman pelajar dalam subjek sejarah. Oleh hal demikian, tidak mustahil elemen-elemen multimedia ini boleh digunakan sebagai kaedah dalam medium pendidikan Islam kepada murid Autisme untuk membantu mereka memperoleh bahasa dalam al-Quran dan meniru setiap perbuatan yang dilihat dan didengari mereka.

Selain itu, pada masa ini juga, guru perlulah berkemahiran menggunakan teknologi atau multimedia supaya dapat memberikan manfaat kepada diri sendiri dan orang sekeliling. Hal ini disebabkan, penggunaan teknologi secara teori dan praktikalnya dapat membantu guru menjimatkan masa dan meringankan beban kerja dengan pelbagai platform disediakan seperti Youtube, Google Classroom, Quizzet dan sebagainya. Guru-guru juga perlu mempunyai ciri-ciri profesional khususnya menguasai ilmu dalam bidang kepakarannya dan menguasai maklumat serta kemahiran lain bagi mewujudkan suasana pengajaran berkesan. Oleh demikian, guru perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran sedia ada dengan mendalami cara dan kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru Pendidikan Islam juga dituntut menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan keperluan semasa terutamanya terhadap murid-murid Autisme yang mempunyai keupayaan yang berlainan dalam pembelajaran. Penggunaan elemen-elemen multimedia dianggap sangat penting dan bermanfaat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini kepada murid berkeperluan khas Autisme. Kaedah pengajaran berasaskan komputer dan teknologi maklumat berupaya menggantikan kaedah konvensional dengan pelbagai cara, terutamanya di dalam persekitaran bilik darjah yang menggunakan komputer (Abu Bakar, 2007). Oleh itu, guru perlu lebih bijak mengambil peluang dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna kepada pelajar.

7.2 Sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran murid Autisme

Berdasarkan jadual 2 di bawah, dapatan tentang sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran murid Autisme menunjukkan guru agak kurang menggunakan multimedia dengan nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ($M=3.80$, $SP.=0.71$). Secara keseluruhannya, tujuh item berada pada tahap sederhana tinggi dan tiga item berada pada tahap tinggi. Sikap guru menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran murid Autisme memiliki item yang mendapat skor min tertinggi iaitu item C04 “Saya percaya multimedia menjadi subjek lebih menarik” iaitu sebanyak 4.15 di mana seramai 12 orang responden sangat setuju dengan 30%, manakala paling ramai 23 orang responden setuju iaitu sebanyak 57.5%. Adapun yang kurang setuju seramai empat orang responden mewakili 10% dan yang terendah seorang tidak setuju dengan item ini di mana mewakili hanya 2.5% daripada keseluruhannya.

Item yang mendapat skor min kedua tertinggi adalah tujuh item dan yang tertinggi daripada tahap sederhana tinggi iaitu item C01 sebanyak 3.90. Item ini “Saya seronok menggunakan multimedia dalam P&P” di mana seramai 23 orang responden setuju dengan 57.5% dan sangat setuju seramai 7 orang responden dengan peratusan 17.5%. Manakala, sembilan orang

menunjukkan kurang setuju mewakili 22.5% dan yang terendah tidak setuju hanya seorang mewakili 2.5% daripada keseluruhan responden. Adapun bagi item yang paling rendah skor min sebanyak 3.40 iaitu item C08 “Saya mempunyai pelbagai koleksi bahan grafik untuk P&P” iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Item ini menunjukkan responden tertinggi kurang setuju iaitu seramai 19 orang mewakili 47.5% orang responden, kedua tertinggi responden setuju iaitu lapan orang responden mewakili 20%, ketiga tertinggi responden sangat setuju iaitu seramai tujuh orang mewakili 17.5% dan yang terendah responden tidak setuju seramai enam orang mewakili 15% daripada keseluruhan responden. Secara keseluruhannya terdapat tujuh item mempunyai min tahap sederhana tinggi, dan tidak ada item yang mempunyai min tahap rendah. Hasil dapatan menunjukkan sikap guru dalam menggunakan multimedia di peringkat pertengahan.

Jadual 2: Sikap Guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran murid Autisme

Kekerapan dan Peratus (N=40)									
Kod Item	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Interpretasi
C01	Multimedia dalam P&P	0 (0.0)	1 (2.5)	9 (22.5)	23 (57.5)	7 (17.5)	3.90	0.70	Sederhana Tinggi
C02	Media elektronik komputer	0 (0.0)	1 (2.5)	10 (25.0)	22 (55.0)	7 (17.5)	3.87	0.72	Sederhana Tinggi
C03	Multimedia dapat membantu fokus murid	0 (0.0)	1 (2.5)	5 (12.5)	25 (62.5)	9 (22.5)	4.05	0.67	Tinggi
C04	Multimedia menjadikan subjek lebih menarik	0 (0.0)	1 (2.5)	4 (10.0)	23 (57.5)	12 (30.0)	4.15	0.69	Tinggi
C05	Mempelajari teknik-teknik menghasilkan BBM berunsur multimedia.	0 (0.0)	1 (2.5)	13 (32.5)	19 (47.5)	7 (17.5)	3.80	0.75	Sederhana Tinggi
C06	Bahan interaktif berunsurkan multimedia	0 (0.0)	5 (12.5)	13 (32.5)	16 (40.0)	6 (15.0)	3.57	0.90	Sederhana Tinggi
C07	Belajar menggunakan halaman sesawang	0 (0.0)	5 (12.5)	16 (40.0)	11 (27.5)	8 (20.0)	3.55	0.96	Sederhana Tinggi
C08	Pelbagai koleksi bahan grafik untuk P&P	0 (0.0)	6 (15.0)	19 (47.5)	8 (20.0)	7 (17.5)	3.40	0.95	Sederhana Tinggi
C09	Multimedia dapat meningkatkan amalan pengajaran.	0 (0.0)	3 (7.5)	2 (5.0)	25 (62.5)	10 (25.0)	4.05	0.78	Tinggi
C10	Mengajar pelajar menggunakan animasi	0 (0.0)	4 (10.0)	12 (30.0)	17 (42.5)	7 (17.5)	3.67	0.88	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.80	0.71	Sederhana Tinggi

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada jadual 2 di atas, sikap guru menggunakan multimedia dalam medium pengajaran dan pembelajaran tidak memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kepercayaan dan keyakinan guru bahawa, pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia dapat membantu pengajaran menjadi lebih berkesan, menarik dan mudah difahami oleh pelajar. Dapatan kajian hampir menyamai dapatan kajian Manibalan (2010) yang menyatakan bahawa, penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di Samarahan, Sarawak berada pada tahap sederhana dan memuaskan serta menunjukkan sikap yang positif dalam penggunaan multimedia.

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan guru juga mempunyai kesedaran tentang kebaikan dan faedah menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran serta bersikap positif untuk menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan tentang sikap ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin (1992) di dalam Rosli

(2008) yang menyatakan sikap sangat mempengaruhi tingkah laku iaitu sama ada melalui komunikasi atau perlakuan. Beliau menjelaskan sikap ialah satu kecenderungan atau perasaan secara verbal atau bukan verbal bagi memenuhi kepuasan dan nilai seseorang iaitu sama ada suka atau tidak terhadap sesuatu perkara atau objek.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan guru memiliki sikap sederhana tinggi cenderung menggunakan multimedia sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini selaras juga dapatan Lubis et al. (2017), kesediaan guru GPI terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Selangor menunjukkan tahap sederhana tinggi. Namun, GPI menzahirkan sikap positif bahawa, penggunaan multimedia boleh diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran dan ianya menyatakan pengajaran secara multimedia bergantung kepada kemudahan teknikal yang disediakan di sekolah. Kajian ini menunjukkan pentingnya sikap dan minat positif guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan multimedia. Dapatan menunjukkan sikap guru positif menggunakan multimedia dalam proses PdP iaitu tahap sederhana tinggi selaras dengan kajian Jasmi (2010), yang berkisar tentang amalan penggunaan BBM oleh guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) di lapar buah sekolah menengah seluruh Malaysia mendapati GCPI menggunakan komputer dan LCD sebagai bahan sampingan sahaja berikutan kekangan masa untuk menyediakan bahan.

Bagi meningkatkan penggunaan multimedia dalam kalangan guru-guru terhadap pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan guru berpersepsi positif seiring dengan tindakan yang diambil. Kesediaan guru dari aspek sikap integrasi teknologi maklumat dalam PdP adalah faktor utama penentuan kejayaan dan keberkesanan penggunaan TMK dalam PdP (Rahman *et al.*, 2013). Sikap guru yang negatif dan sederhana terutama bagi guru-guru yang tidak berpengalaman menghadiri kursus ICT dilihat mempengaruhi semangat dan kesediaan mereka untuk mengamalkan kaedah penggunaan multimedia dalam PdP (Chung *et al.*, 2010). Jika dilihat fenomena sebegini kemungkinan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas berada pada tahap sederhana tinggi walaupun tahap pandangan mereka terhadap multimedia ialah positif. Latihan dalam perkhidmatan berkaitan teknologi masih kurang diberi pendedahan kepada guru kecuali guru ICT sekolah.

7.3 Hubungan antara tahap kemahiran guru dengan sikap guru dalam pengajaran

H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru dengan sikap guru terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid Autisme

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan tahap kemahiran guru dengan sikap menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid Autisme menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh bagi tahap kemahiran guru iaitu ($r=0.857, p<0.01$) dan sikap guru ($r=0.857, p<0.01$). Secara keseluruhan, dapatan ini boleh disimpulkan bahawa, tahap kemahiran guru yang lebih tinggi dikaitkan dengan sikap guru yang lebih positif menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap murid Autisme. Oleh hal yang demikian, H₀₁ adalah ditolak.

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan tahap kemahiran guru terhadap sikap menggunakan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid Autisme dipaparkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 3: Korelasi Pearson Antara Tahap Kemahiran dengan Sikap Guru

Pemboleh ubah	Sikap Guru (r)	Signifikan P<0.05	Hubungan
Kemahiran Guru	0.857**	.000	Tinggi

Berdasarkan dapatan kajian jelaslah menunjukkan tahap kemahiran guru untuk mengendalikan dan mengelola elemen-elemen multimedia mempengaruhi sikap guru untuk menggunakan aplikasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini selari dapatan kajian yang dilakukan oleh Abd Rahman & Kamari (2011), menyatakan apa yang boleh disimpulkan berdasarkan kajian beliau, tahap pengetahuan ICT semakin tinggi, semakin memberi kesan kepada sikap seseorang guru penyelaras ICT iaitu semakin baik sikapnya mengurus ICT di sekolah. Maka, tidak dinafikan bahawa, hubungan tahap kemahiran dengan sikap guru dalam penggunaan multimedia dalam pengajaran adalah yang terbaik. Oleh sebab itulah, tahap kemahiran dan sikap perlu dijaga dan ditambah baik agar dalam mengoptimumkan pengajaran guru di kelas nanti.

7. KESIMPULAN

Kemahiran guru dalam menggunakan multimedia amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan murid-murid dapat memahami isi kandungan pelajaran terutama murid berkeperluan khas. Penggunaan multimedia bersesuaian dengan suasana pengajaran dan pembelajaran masa kini yang memerlukan guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi. Guru-guru perlu mendalami dan diberi pendedahan penggunaan multimedia samada diusahakan sendiri atau usaha pihak yang berautoriti. Abdul Rahman et al. (2018) menyatakan guru perlu diberi pendedahan dengan pelbagai kaedah bagaimana ICT digunakan untuk memastikan keberkesannya dalam PdP dan secara tidak langsung membantu guru menggunakan kemahiran diperoleh serta bersikap positif. Ini termasuklah menggunakan ICT sebagai medium untuk mengakses internet, mengkaji sesuatu fenomena secara simulasi atau melihat demonstrasi sesuatu kejadian dan membantu murid melaksanakan tugas pembelajaran (Maier & Warren, 2002). Tambahan lagi, Sidki dan Nik Yusoff (2008) menjelaskan situasi masa kini peredaran masa dan ledakan teknologi menuntut GPI untuk bersikap positif menggunakan multimedia atau teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada BBM. Penggunaan multimedia perlulah secara berhemah dan yang paling utama mencapai objektif pembelajaran dan bukan semata-mata untuk keseronokan semata-mata. Kemahiran menggunakan elemen-elemen multimedia membantu guru-guru menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran secara berhemah dan yakin multimedia dapat membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, N. A., & Jaafar, N. (2018). Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 24-36. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.16>
- Abu Bakar, N. (2007). English Language activities in computer-based learning environment: A case study in ESL Malaysian classroom. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 7(1), 33-49.

- Abdul Rahman, K., Mohid, S. Z., & Ramli, R. (2018, Oktober 30-31). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor [Kertas Pembentangan]. IC-ITS 2018: 4th International Conference on Information Technology & Society, Selangor Malaysia (ms. 1-9). e-ISBN:978-967-2122-64-7
- Abd. Rahman, M. A., & Kamari, A. (2011) Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Penyelaras ICT Di Sekolah-Sekolah Rendah Zon Paloh, Kluang. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9. (tidak diterbitkan). Diambil daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/11857/>
- Abdul Talib, N. S., Awang, M. M., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 86-98. Retrieved from <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/57>
- Agus, A., & Salleh, M. J. (2009) Kreativiti pengajaran dan pembelajaran sejarah. In: Transformasi pengajaran dan pembelajaran sejarah. UKM and Universiti Riau Indonesia, Riau Indonesia, pp. 183-196. ISBN 9786028025270
- Bahagian Pendidikan Khas (2015). Buku Panduan Program Pendidikan Khas Integrasi. Putrajaya: KPM
- Chung, H. C., Melvina & Badusah, J. (2010). Sikap guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran di Sekolah-sekolah rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(1), 59- 69. Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/143/>
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hassi, A. (2012), "Islamic perspectives on training and professional development", *Journal of Management Development*, 31(10), 1035-1045. <https://doi.org/10.1108/02621711211281816>
- Ismail, Z. (2005). *Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Cabaran Dan Inovasi*. Kuala Lumpur: minda Imtiyaz Publications.
- Jabatan Pendidikan Khas (2004). Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Rendah dan Menengah. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2005). Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Vokasional Khas. Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Menengah: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jasmi, K. A. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Phd, UKM
- Kamaruddin, M. I. (1992). Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sains. *Buletin Persatuan UTM*, Vol 4, 27-41.
- Khairuddin, N.S. & Mailok, R. (2020). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Mata Pelajaran Sejarah Menggunakan Teknik Mnemonik. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7(1): 9-15.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah bidang pengurusan kehidupan. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pendidikan Islam. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1-6. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diambil daripada <https://sites.google.com/site/kssrpendidikankhas/>
- Lubis, M. A., Wan Hassan, W. N. S., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesiapan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13. Diambil daripada <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/3>
- Manibalan, V. M. (2010) Penggunaan multimedia dalam pengajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di bahagian Samarahan, Sarawak. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Maier, P. & Warren, A. (2002). *Literacy technology in learning and teaching*. London: Kogan Page.
- McMillan JH., & Schumacher S. (2006). *Research in Education*. Pearson Education, Boston.
- Mohd Nawawi, M. Z. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. Diambil daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/3770>
- Mohd Nawawi, M. Z., Hashim, A., & Muhamad, N. (2020). Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan. *Jurnal Sains Sosial Dan Pendidikan Teknikal | Journal Of Social Sciences And Technical Education (JoSSTEd)*, 1(1), 73-88. Diambil daripada <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jossted/article/view/10534>
- Mohd Nawawi, M. Z., & Hashim, A. (2021). Tahap Kesiapan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan Terhadap Multimedia Dalam Pengajaran. *Sains Humanika*, 13(1), 1-10. Diambil daripada <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1678>. DOI: <https://doi.org/10.11113/sh.v13n1.1678>
- Mukherjee, S. (2018). Role of Multimedia in Education. *Edelweiss Application Science Technology*, 2: 245-247.
- Nasri, M. S., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). Falsafah pendidikan kebangsaan memperkasakan peranan pendidikan teknik dan pendidikan vokasional. Johor Bahru: Edupress UTM.
- Putra, C.A. (2018). Pemanfaatan Teknologi Multimedia untuk Media Instruksional. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 5, 1-8.

- Rahman, S., Nordin, A. B., & Alias, N. (2013). Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. *JUKU: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(4), 12-20. Diambil daripada <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/7964>
- Robson, Collin. (1988). Real World Research. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Samian, S. S., Md Ali, K., Bunimin, J., & Buntat, Y. (2013). Faktor yang Mempengaruhi Halatuju Pelajar Orang Kurang Upaya Pendengaran Di Politeknik. Persidangan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Kuala Terengganu. 02-03 September 2013. 362-371.
- Saipullah, N. A. F., & Hamzah, M. I. (2020, November 24-25). Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bidang Al-Quran: Satu Kajian Rintis Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Sarawak [Kertas Pembentangan secara dalam Talian]. PASAK5 2020: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5. E-ISBN: 978 967 2122 78 4
- Sidki, B., & Nik Yusoff, N. R. (2008). Cabaran penggunaan ICT dalam P&P Pendidikan Islam. Dalam Norazah Mohd Nordin & Mohamed Amin Embi (pynt). Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan, Amalan dan Aplikasi . Shah Alam: Karisma Publications. Sdn. Bhd.
- Stufflebeam, D. L. (1971). Education evaluation and decision making. Italia II: Peacock
- Tan, C.K. & Abu, C. (2013, Ogos 29-30). Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial [Kertas Pembentangan]. SPSG 2013: Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi UMS. Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
- Trivedi, K. & Bhargava, R. (2010). Relation of Creativity and Education Achievement in Adolescence. *Journal of Psychology*. 1(2), 85-89.

Norhisham bin Muhamad (Corresponding Author)

Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak
Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi
School of Hospitality,
Education and Business Studies (SHB),
Management and Science University (MSU),
University Drive, Off Persiaran Olahraga,
40100 Shah Alam, Selangor.
Email: zulazizi0902@gmail.com

Norhasniza binti Daud
Sek Keb. Aminuddin Baki,
Jalan Stesen, Kampung Manggis,
35800 Slim River, Perak
Email: hasza87usim@yahoo.com.my